



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

# PELAN PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (P3PK) 2023-2027

---

Memacu Kelestarian Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Melalui  
Persekitaran Kondusif dan Holistik



Dasar Keusahawanan Nasional  
"Negara Keusahawanan Unggul 2030"



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**

MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

Cetakan Pertama 2023  
Hak Cipta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

Diterbitkan oleh:

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan 62668 Putrajaya, Malaysia  
Tel : +603-8000 8000 | Faks : +603-8889 3712

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi .



## PRAKATA YB MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

### **Kopivosian dan Salam Perpaduan.**

Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (P3PK) 2023-2027 merupakan suatu dokumen perancangan strategik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) untuk tempoh lima (5) tahun yang akan datang bagi memperkasa pembangunan serta menambahbaik tahap sosioekonomi komuniti penjaja dan peniaga kecil. Selari dengan visi dan misi Kementerian, pelan pembangunan ini diharap dapat memberi impak yang signifikan kepada kumpulan sasarnya.

KUSKOP akan terus memainkan peranan penting menerajui pembedayaan keusahawanan dan melaksanakan perancangan pembangunan untuk usahawan-usahawan di Malaysia. Perancangan pembangunan yang holistik mampu menyokong pembangunan komuniti penjaja dan peniaga kecil sekaligus mengiktiraf sumbangan mereka terhadap pertumbuhan ekonomi Sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia..

Di samping itu, KUSKOP akan terus berusaha melaksanakan inisiatif berimpak tinggi dalam membantu komuniti penjaja dan peniaga kecil bagi menghadapi cabaran ekonomi semasa. Kementerian juga akan terus berusaha menjadi pemudahcara kepada komuniti ini dalam menyediakan ekosistem perniagaan yang mesra dan dinamik agar ia mampu menyokong pertumbuhan serta pembangunan penjaja dan peniaga kecil dengan berkesan.

Justeru, saya berharap agar P3PK 2023 – 2027 akan menjadi asas rujukan untuk memangkin pembangunan komuniti penjaja dan peniaga kecil di Malaysia. Saya juga berharap agar semua pihak terutamanya pemegang taruh yang berkaitan dapat memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan semua strategi dan inisiatif yang dirangka dalam pelan ini.

Saya turut mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung membangunkan P3PK 2023 – 2027 ini. Saya amat menghargai sokongan dan komitmen warga KUSKOP dalam melaksanakan pelan pembangunan ini. Usaha bersepadu ini akan mampu memberikan impak yang positif terhadap pembangunan sektor keusahawanan secara keseluruhan sekaligus mencapai aspirasi 'Negara Keusahawanan Unggul 2030'.

Sekian, terima kasih.





## PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 'Negara Keusahawanan Unggul 2030'.**

Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (P3PK) 2023 – 2027 menggariskan hala tuju dan fokus Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam merangka dan melaksanakan pelan tindakan yang holistik bagi pembangunan kumpulan penjaja dan peniaga kecil yang menjadi antara tunjang utama terhadap pertumbuhan sektor ekonomi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia.

Dalam usaha untuk terus meningkatkan pembangunan kumpulan penjaja dan peniaga kecil, P3PK 2023 – 2027 telah dirangka berpaksikan lima (5) teras utama iaitu memperteguh ekosistem penjaja dan peniaga kecil bagi menyokong pembangunan sosioekonomi yang inklusif, memperkasa keunggulan perniagaan menerusi kapasiti dan keupayaan, memantap pembangunan modal insan penjaja dan peniaga kecil, melestari kewangan dan memudahcara akses fasiliti pembiayaan dan mengadaptasi teknologi dan pendigitalan.

Teras-teras utama ini juga akan diperkukuhkan dengan 17 strategi utama dan 29 inisiatif yang dipercayai mampu memberikan nilai tambah kepada kumpulan penjaja dan peniaga kecil dalam usaha mereka untuk terus bergerak ke hadapan dan selanjutnya mencapai kelestarian hidup. Komitmen KUSKOP untuk terus membantu pembangunan kumpulan penjaja dan peniaga kecil perlu diteruskan agar mereka mampu untuk terus berdaya saing dan kekal teguh dalam mengharungi arus globalisasi yang kian mencabar.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penyediaan P3PK 2023 – 2027. Semoga segala usaha dan komitmen yang telah diberikan dalam menjayakan penyediaan pelan ini akan dapat memberi impak yang positif dalam usaha Kerajaan untuk terus memartabatkan dan mengangkat nilai keusahawanan selari dengan aspirasi di dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030).

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI SURIANI BINTI DATO' AHMAD**





# **RINGKASAN EKSEKUTIF**



Bidang keusahawanan merupakan salah satu sektor yang menjadi penyumbang kepada ekonomi Malaysia sejak beberapa dekad dahulu. Ia lebih signifikan dan ketara dilihat terutamanya pada era globalisasi yang mana perniagaan kini bukan sahaja bergantung kepada perusahaan besar tetapi turut mencakupi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Pencapaian ini dilihat amat positif kerana sektor PMKS juga menawarkan peluang pekerjaan selain membantu dari segi sosioekonomi golongan ini. Selain itu, PMKS turut menjadi salah satu sektor terbesar yang menyumbang kepada keseluruhan pertumbuhan kumpulan seperti penjaja dan peniaga kecil, perniagaan informal, perniagaan dari rumah (*home-based business*) dan sebagainya.

Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) mengambil perhatian berhubung keperluan bagi mempertingkatkan usaha dalam membangunkan kumpulan penjaja dan peniaga kecil yang selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membawa kumpulan ini ke tahap yang lebih tinggi. Melihat kepada kepentingan sumbangan kumpulan penjaja dan peniaga kecil terhadap rangkaian pembekalan dan peruncitan, transformasi perniagaan perlu dilaksanakan agar mereka lebih berdaya saing dalam mengharungi landskap perniagaan yang mencabar pada masa hadapan.

Justeru, Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (P3PK) 2023–2027 ini telah disediakan dengan berpandukan kepada Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030). Selain itu, pembangunan P3PK 2023-2027 merupakan kesinambungan kepada pelan pembangunan yang terdahulu dengan perencanaan strategi dan inisiatif yang lebih komprehensif terutamanya berpandukan impak pandemik COVID-19 terhadap penjaja dan peniaga kecil dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan ini (2021 – 2022).

Dalam konteks penghasilan pelan ini, penjaja dan peniaga kecil dilihat sebagai sebahagian daripada perusahaan mikro yang menjalankan perniagaan atau perkhidmatan secara kecil-kecilan sama ada di premis tetap, premis sementara, bergerak atau di rumah.

Pada masa ini, isu dan cabaran sedia ada adalah seperti penguatkuasaan yang berbeza di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kekurangan tapak perniagaan dan premis perniagaan serta kelompongan dari segi pangkalan data. Oleh itu, P3PK telah mengenal pasti lima (5) teras strategik, 17 strategi dan 29 inisiatif dalam usaha menaiktaraf kumpulan penjaja dan peniaga kecil untuk tempoh lima (5) tahun yang akan datang.



Diharapkan dengan penghasilan P3PK 2023–2027 ini akan memberi manfaat kepada kumpulan penjaja dan peniaga kecil dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi mereka yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

# KANDUNGAN

- Prakata YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- Kata Alu-Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- RINGKASAN EKSEKUTIF
- BAB 1 : PENGENALAN
  - Latar Belakang Penjaja dan Peniaga Kecil
  - Ciri-Ciri Penjaja dan Peniaga Kecil
  - Landskap Penjaja dan Peniaga Kecil: Global dan Dalam Negara
- BAB 2 : ISU DAN CABARAN
  - Isu dan Cabaran
  - Perbezaan Penguatkuasaan di Pihak Berkuasa Tempatan
  - Kekurangan Tapak dan Premis Perniagaan Yang Sesuai
  - Kelompongan Pangkalan Data
  - Pematuhan Perniagaan
  - Perniagaan dari rumah (*home-based business*)
  - Pendigitalan Perniagaan Trend atau Keperluan

- **BAB 3: PELAN PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL 2023–2027**

Teras 1 :

Memperteguh Ekosistem Penjaja dan Peniaga Kecil Bagi Menyokong Pembangunan Sosioekonomi Yang Inklusif

Teras 2 :

Memperkasa Keunggulan Perniagaan Menerusi Kapasiti dan Keupayaan

Teras 3 :

Memantap Pembangunan Modal Insan Penjaja dan Peniaga

Teras 4 :

Melestari Kewangan dan Memudahcara Akses Fasiliti Pembiayaan

Teras 5 :

Mengadaptasi Teknologi dan Pendigitalan

- **BAB 4 : IMPAK PELAKSANAAN KEPADA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL**

- **BAB 5 : PENUTUP**





# **BAB 1**

# **PENGENALAN**



## LATAR BELAKANG PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

**Penjaja dan peniaga kecil merupakan salah satu kumpulan ekonomi di bawah PMKS yang menyokong kepada pertumbuhan ekonomi negara**

Penjaja dan peniaga kecil merupakan salah satu kumpulan ekonomi di bawah PMKS dalam sektor informal yang menyokong kepada pertumbuhan ekonomi negara. SME Corp. Malaysia mengkategorikan penjaja dan peniaga kecil sebagai perniagaan mikro di bawah PMKS iaitu perniagaan atau syarikat yang mempunyai jualan tahunan kurang daripada RM300,000 bagi sektor Perkhidmatan Pembuatan (termasuk asas tani) dan sektor Perkhidmatan serta sektor-sektor lain. Selain itu, bilangan pekerja sepenuh masa adalah kurang daripada lima (5) orang bagi setiap sektor-sektor tersebut. Kewujudan kumpulan penjaja dan peniaga kecil amatlah sinonim dengan kemunculan gerai-gerai tepi jalan, pasar malam, pasar tani, pekan sehari, premis bergerak sama ada di kawasan bandar mahupun di pekan kecil yang terdapat di seluruh Malaysia.

Secara umumnya majoriti kumpulan penjaja dan peniaga kecil ini berada dalam kategori B40 dan menjalankan perniagaan secara sambilan bagi menambah pendapatan. Kebiasaannya mereka bergerak secara bersendirian dan kebanyakan daripada mereka juga tidak mempunyai lesen perniagaan, kurang pengetahuan ilmu keusahawanan, tidak mempunyai garis panduan perniagaan yang khusus serta mempunyai modal perniagaan yang terhad. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan negatif yang besar dan Malaysia tidak terkecuali daripada kesan ini. Ramai yang terkesan termasuk mereka yang kehilangan pekerjaan telah menceburi aktiviti perniagaan bagi menampung kehidupan seharian. Oleh yang demikian, kewujudan baharu dan peningkatan bilangan penjaja dan peniaga kecil boleh diibaratkan seperti 'cendawan tumbuh selepas hujan'.

Namun begitu, tiada maklumat yang terperinci berkaitan dengan kumpulan ini yang menyebabkan mereka sering tercicir daripada arus pembangunan perniagaan. Malahan, dari segi kebajikan pula, mereka boleh dikategorikan sebagai kumpulan yang tidak mempunyai perlindungan kebajikan, tidak menerima faedah pekerjaan dan tiada waktu kerja yang tetap.

Oleh itu, dengan adanya pelbagai bentuk bantuan daripada kerajaan, ia mampu menyuntik semangat dan dorongan ke arah meningkatkan sosioekonomi mereka. Selain itu, sumbangan kumpulan penjaja dan peniaga kecil ini mampu menyokong pertumbuhan ekosistem PMKS secara keseluruhan.

**Kumpulan penjaja  
dan peniaga kecil ini  
menyokong  
pertumbuhan  
ekosistem PMKS  
secara keseluruhan**

Melihat kepada keupayaan dan kapasiti kumpulan peniaga informal, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah mengambil langkah seterusnya bagi memangkin pengukuhan dan kelestarian kumpulan ini.





Seiring dengan masyarakat yang semakin maju dengan cita rasa yang pelbagai, kumpulan penjaja dan peniaga kecil kini berpotensi melaksanakan perubahan dalam konteks yang lebih luas sama ada dari segi produk mahupun perkhidmatan termasuklah perniagaan dalam talian.

Justeru itu, transformasi kumpulan penjaja dan peniaga kecil perlu merangkumi semua aspek perniagaan dan perkhidmatan.

Transformasi ini amatlah signifikan dan kena pada masanya bagi memperteguh ekosistem kumpulan penjaja dan peniaga kecil.



Norra Rich  
Kerabu  
Thorrbhaikk

erabu . kambing bakar



# DEFINISI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

**“Penjaja dan peniaga kecil merujuk kepada sebahagian daripada perusahaan mikro yang menjalankan perniagaan barangan atau perkhidmatan sama ada di premis tetap, premis sementara, bergerak atau di rumah”**

**(KUSKOP, 2023)**



## CIRI-CIRI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

- Peniaga kecil yang menjalankan aktiviti penjajaan secara statik atau bergerak (randah) di tempat-tempat seperti gerai, kedai runcit, rumah kedai, warong, kaki lima, kompleks/ arked perniagaan, restoran, pasar, pasar malam, pasar tani, pekan sehari dan lain-lain (*Jabatan Kerajaan Tempatan, 1995*).
- Peniaga kecil (penjaja statik, sementara atau bergerak) yang mempunyai modal yang rendah dan menawarkan barang-barang makanan dan minuman, pakaian, hasil tani, barangan basah di tepi jalan, kaki-kaki lima, pasar, pasar malam, gerai-gerai majlis dan medan selera (*Universiti Utara Malaysia, 2019*).
- Pekerja informal merujuk kepada aktiviti ekonomi bagi pekerja dan entiti perniagaan yang secara perundangan dan praktis tidak dilindungi oleh peraturan rasmi (*Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022*).

## BAB 1 PENGENALAN : CIRI-CIRI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

Sehubungan dengan itu, ciri-ciri kumpulan penjaja dan peniaga kecil dapat disimpulkan seperti berikut:-

Penjaja dan peniaga kecil ialah mereka yang menjalankan operasi perniagaan dalam skala yang kecil, menggunakan sumber tempatan, mempunyai tahap kemahiran yang rendah, menggunakan modal yang kecil, mempunyai jenis barang dan produk mudah diurus, perniagaan jenis pemilikan dan lokasi perniagaan yang tidak tetap.


Penjaja dan peniaga kecil ini kebiasaannya menyediakan kemudahan atau perkhidmatan secara terus kepada pelanggan dan mempunyai fleksibiliti untuk bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain.

Penjaja dan peniaga kecil bijak memilih tapak dan lokasi yang strategik, mampu menjalankan perniagaan tanpa waktu yang terhad serta mempunyai kepakaran menyediakan produk warisan keluarga.

Penjaja dan peniaga kecil turut menyokong pertumbuhan ekonomi negara dalam menjana sumber sosioekonomi kepada penduduk tempatan dan membawa faedah kepada pembangunan setempat.

**Ciri-ciri ini perlu disokong melalui pembentukan ekosistem penjaja dan peniaga kecil yang lebih kukuh dan berdaya saing**

### Kepentingan Penjaja dan Peniaga Kecil







## LANDSKAP PENJAJA DAN PENIAGA KECIL: GLOBAL DAN DALAM NEGARA

Perubahan landskap perniagaan telah mewujudkan persekitaran yang dinamik kepada PMKS antarabangsa. Hal ini telah terbukti kerana wujudnya persaingan yang sihat antara PMKS dengan perusahaan yang lebih besar terutamanya yang melibatkan penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam perniagaan. Kumpulan penjaja dan peniaga kecil merupakan sebahagian daripada ekosistem PMKS. Namun di Malaysia, kumpulan penjaja dan peniaga kecil ini masih sukar untuk bersaing atau berubah sehinggakan selesa sebagai gelaran peniaga kecil-kecilan dan kebanyakan mereka menjalankan perniagaan dari rumah (*home-based business*) dengan piawaian dan pematuhan yang minimum.

Di Singapura, Program Pembangunan Penjaja telah dipupuk sejak dari awal lagi kepada golongan penjaja muda melalui *Work-Study Post-Diploma*. Inisiatif ini merupakan jalinan kerjasama antara Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) dan *SkillsFuture Singapore* (SSG) dengan politeknik tempatan. Usaha ini dilihat mampu membudayakan aktiviti penjaja di Singapura dengan menyediakan bimbingan dan latihan serta keperluan pematuhan yang komprehensif. Hasilnya, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) telah mengiktiraf dan menyenaraikan pusat penjaja ini sebagai salah satu Warisan Budaya Tidak Ketara.

***"Pusat penjaja ini berfungsi sebagai ruang makan komuniti, dengan pelbagai lapisan masyarakat berkumpul dan berkongsi pengalaman menjamu selera sama ada ketika waktu sarapan, makan tengah hari atau makan malam" (UNESCO, 2020).***



## Agenda Nasional Semasa

**DKN**  
**2030**  
Dasar Keusahawanan Nasional

**2018**

**2025**

**2030**

### 1. Kedudukan Malaysia dalam Indeks Antarabangsa



### 2. Sumbangan PKS kepada KDNK

**37.4%** → **45%** → **50%**

### 3. Pekerjaan yang Dijana oleh PKS

**66.2%** → **72%** → **80%**

### 4. Sumbangan PKS kepada Nilai Eksport

**17.5%** → **25%** → **30%**

### 5. Sumbangan Perolehan Koperasi

**RM40.3billion** → **RM60billion** → **RM100billion**

Sumber : DKN2030



Pada dasarnya, rangka kerja Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (P3PK) 2023-2027 melihat kepada tiga (3) dokumen utama iaitu:-

## HALA TUJU STRATEGI NASIONAL

**DKN 2030:** Dasar Keusahawanan Nasional 2030

**RMKe – 12:** Rancangan Malaysia Ke – 12

**ISPPK 2015 – 2020:** Inisiatif Strategik Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil 2015 – 2020



# **BAB 2**

## **ISU DAN CABARAN**



## ISU DAN CABARAN

Secara amnya, antara isu – isu utama yang dihadapi oleh penjaja dan peniaga kecil ini adalah berkaitan polisi perniagaan, kelompongan pangkalan data penjaja dan peniaga kecil, pematuhan perniagaan, peningkatan bilangan informal dan juga trend pendigitalan



### **Polisi perniagaan yang kurang menyokong penjaja dan peniaga kecil**

- Tiada keseragaman dan penyelarasan pemberian kelulusan permit.
- Lokasi perniagaan yang minimum atau tidak sesuai untuk beroperasi.



### **Kelompongan pangkalan data penjaja dan peniaga kecil**

- Tiada maklumat atau data khusus berkaitan penjaja dan peniaga kecil.
- Kesukaran untuk menyediakan bantuan, sokongan serta program yang bersesuaian dan khusus kepada golongan penjaja dan peniaga kecil.
- Data yang diperolehi diragui kesahihan.



### **Pematuhan perniagaan**

- Kurangnya kesedaran di kalangan penjaja dan peniaga kecil.
- Sukar untuk mengembangkan perniagaan dan bersaing bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.



### **Peningkatan bilangan perniagaan kumpulan penjaja dan peniaga kecil dalam kategori perniagaan dari rumah (*home-based business*)**

- Bilangan perniagaan kecil-kecilan khususnya dari rumah meningkat dengan ketara akibat senario dan kesan COVID-19.
- Sukar untuk melaksanakan penguatkuasaan dan pengawasan, pengawalan premis, kualiti, kebersihan produk dan sebagainya.



### **Trend pendigitalan**

- Keciciran dalam perubahan pemasaran digital dan menguruskan perniagaan melalui platform digital.




## PERBEZAAN PENGUATKUASAAN DI SETIAP PBT

Pada amnya, perbezaan dalam menguatkuasakan undang-undang kecil oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan memberi kesan kepada pelaksanaan dasar dan polisi yang cuba menyokong pertumbuhan kumpulan penjaja dan peniaga kecil.

Sebagai contoh, dasar dan polisi di peringkat Kementerian melalui perniagaan *food truck* kelihatan kurang mendapat sokongan daripada PBT. Hal ini disebabkan penguatkuasaan undang-undang kecil yang menjurus kepada tafsiran yang berbeza antara satu PBT dengan PBT yang lain.

Sehubungan itu, disarankan supaya garis panduan dan dasar yang seragam diguna pakai oleh setiap PBT bagi memastikan agenda untuk kumpulan penjaja dan peniaga kecil dapat diperkasakan.



Rajah 4 : Statistik Penjaja Berdaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan PBT


**Perbezaan penguatkuasaan di antara PBT akan menjejaskan pelaksanaan dasar dan polisi kerajaan dalam memperkasakan agenda golongan kumpulan penjaja dan peniaga kecil**



## KEKURANGAN TAPAK DAN PREMIS PERNIAGAAN YANG SESUAI

Isu berkaitan tapak dan premis perniagaan sering menjadi keluhan kepada kumpulan penjaja dan peniaga kecil. Lokasi yang dibenarkan kadangkala tidak sesuai mahupun strategik untuk mereka menjalankan aktiviti perniagaan. Antara tiga (3) faktor utama adalah:

1. Ruang perniagaan yang terhad kepada penjaja dan peniaga kecil.
2. Kadar sewa yang terlalu tinggi kepada penjaja dan peniaga kecil di kompleks-kompleks perniagaan/ kawasan tumpuan.
3. Kawasan yang dibenarkan hanya mempunyai kemudahan asas yang terhad, kotor dan kurang menarik untuk daya tarikan pelanggan.



Kerjasama dan sokongan oleh PBT, persatuan serta kumpulan penjaja dan peniaga kecil perlu diperkukuhkan lagi bagi mengenal pasti tapak-tapak yang berpotensi dan berdaya saing untuk ditransformasi serta dibangunkan secara berstruktur.

### **Keperluan mengadakan penyusunan semula tapak dan premis bagi penjaja dan peniaga kecil adalah amat bertepatan serta perlu di samping menangani perubahan-perubahan yang berlaku**

#### **Faktor – faktor yang perlu diambil kira dalam menyediakan tapak kepada penjaja dan peniaga kecil:**

1. Kawasan kepadatan penduduk yang tinggi seperti kawasan perumahan atau zon perindustrian;
2. Kawasan yang mempunyai aliran pembeli yang tinggi sama ada untuk kenderaan bermotor atau pejalan kaki;
3. Mudah diakses oleh pembeli;
4. Kawasan yang bersih; dan
5. Dilengkapi dengan kemudahan asas yang baik.



## KELOMPOGAN PANGKALAN DATA

Pengumpulan data kumpulan penjaja dan peniaga kecil ini penting untuk membantu Kerajaan mengenal pasti dan menyediakan bantuan yang bersesuaian seperti program peningkatan kemahiran (*upskilling*), pemantapan kemahiran (*reskilling*) dan bantuan kewangan.

Rujukan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendapati data spesifik bagi penjaja dan peniaga kecil masih belum boleh dikumpulkan sepenuhnya. Hal ini disebabkan kebanyakan penjaja dan peniaga kecil memilih untuk tidak mendaftarkan perniagaan kerana beranggapan dengan berbuat demikian mereka akan kehilangan hak untuk menerima bantuan daripada Kerajaan.



Kerjasama dan sokongan oleh persatuan penjaja amatlah diperlukan bagi membantu pengumpulan data penjaja dan peniaga kecil secara berkelompok.

### Pembangunan pangkalan data penjaja dan peniaga kecil secara berpusat di peringkat Kementerian

Bagi menjamin bantuan yang diberikan dapat memenuhi kehendak dan keperluan semasa penjaja dan peniaga kecil, satu pangkalan data berpusat untuk kumpulan penjaja dan peniaga kecil perlu dibangunkan dengan segera melalui inisiatif KUSKOP. Sebagai contoh, model pembangunan *Repository* Usahawan Nasional (RUN) yang berfungsi sebagai pangkalan data usahawan-usahawan peringkat Kementerian dan juga Agensi-Agensi Pembangunan Usahawan di Malaysia dilihat mampu mengubah landskap perniagaan penjaja dan peniaga kecil ke peringkat yang lebih baik.

## Kepentingan pangkalan data bagi membantu kumpulan penaja dan peniaga kecil

1. Membantu kerajaan membuat keputusan dalam menyediakan program yang komprehensif kepada kumpulan sasar.
2. Penggunaan data yang berkesan juga dapat membantu kerajaan menyediakan platform yang sesuai untuk mengubah landskap PMKS di Malaysia.
3. Pembangunan pangkalan data dan analisa yang berkesan dapat meningkatkan kebolehyaan pelaksanaan sesuatu dasar dan polisi.





## PEMATUHAN PERNIAGAAN

Kesedaran penjaja dan peniaga kecil terhadap pematuhan perniagaan masih lagi berada pada tahap yang rendah. Antara faktor utama ialah kurangnya pendedahan dan pengetahuan asas berkaitan aspek pematuhan perniagaan.

Kesedaran ini perlu dipupuk dalam kumpulan penjaja dan peniaga kecil kerana mereka bukan sahaja perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan malah kefahaman dalam bidang perniagaan. Para penjaja dan peniaga kecil juga perlu bersedia berusaha bagi mencapai tahap piawaian dan pematuhan agar mampu berdaya saing untuk menembusi pasaran baharu.



Kepentingan terhadap pematuhan perniagaan ini dilihat akan lebih membantu perniagaan mereka untuk berkembang secara organik, kompetitif dan sentiasa relevan dalam memenuhi kehendak pengguna.

**Penguatkuasaan  
pematuhan perniagaan  
perlu ditingkatkan dalam  
kumpulan penjaja dan  
peniaga kecil**





## PERNIAGAAN DARI RUMAH (*HOME-BASED BUSINESS*)

Secara umumnya pandemik COVID-19 telah menyebabkan peningkatan bilangan penaja dan peniaga kecil menjalankan aktiviti perniagaan dari rumah (*home-based business*). Peningkatan ini disebabkan ramai daripada mereka yang hilang pekerjaan dan kemudiannya memilih untuk berniaga secara kecil-kecilan bagi menampung keperluan semasa. Kebanyakan daripada mereka berdaftar menggunakan platform e-dagang dan berniaga secara dalam talian. Oleh itu, bagi mematuhi amalan kebersihan dan penyediaan makanan yang selamat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Akta Makanan 1983 telah mewajibkan para peniaga dari rumah (*home-based business*) ini menghadiri Latihan Pengendali Makanan. Mereka juga diwajibkan mengambil suntikan vaksin anti-tifoid. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah mengeluarkan arahan Prosedur Operasi Standard (SOP) agar pengusaha dan penghantar makanan jualan secara dalam talian membuat pendaftaran dengan PBT. Walau bagaimanapun, PBT perlu memberi kelonggaran dalam pematuhan pelesenan untuk pengusaha perniagaan dari rumah (*home-based business*) ini.

Antara sembilan (9) cabaran utama yang dihadapi oleh mereka adalah seperti berikut :



Rajah 5 : Cabaran Semasa Tempoh PKP, KUSKOP

### Cadangan:

PBT perlu mewujudkan Undang-undang Kecil Khas/ Garis Panduan

Memudahcara kepada perniagaan dari rumah (*home-based business*)

Kerjasama dengan kementerian dan agensi seperti KPKT, JKT, PBT, SSM dan sebagainya



## PENDIGITALAN PERNIAGAAN TREND ATAU KEPERLUAN

Kumpulan penjaja dan peniaga kecil tidak terkecuali daripada menerima kesan kehilangan punca pendapatan akibat pandemik COVID-19 di mana aktiviti perniagaan mereka terpaksa dihentikan seketika sewaktu tempoh pelaksanaan PKP.

Namun, pandemik COVID-19 ternyata telah mengubah landskap perniagaan dan telah membuka peluang perniagaan kepada mereka melalui platform digital.



### **Penjaja dan peniaga kecil perlu dilengkapi dengan ilmu pendigitalan**

Penjaja dan peniaga kecil perlu terus dibimbing untuk membantu mereka mengembangkan perniagaan melalui kaedah pemasaran digital.


Selain itu, memandangkan trend pendigitalan ini berlaku secara mendadak dan pantas, penjaja dan peniaga kecil juga perlu mendapat bimbingan dalam penggunaan transaksi tanpa tunai. Penggunaan transaksi tanpa tunai dalam kalangan pengguna telah menyaksikan peningkatan sehingga 60 peratus, sekali gus mengurangkan risiko penerimaan wang secara fizikal.

**Pendigitalan bukan sahaja satu trend tetapi perubahan yang perlu diterima oleh penjaja dan peniaga kecil**

## Inisiatif yang boleh ditambah baik

1. Mewujudkan kerjasama strategi dengan perkhidmatan platform e-dagang antarabangsa dan tempatan untuk menyediakan satu ruangan khas dalam platform untuk penjaja dan peniaga kecil.
2. Menyediakan program pengiklanan digital yang boleh dihadiri oleh penjaja dan peniaga kecil secara maya.
3. Mengadakan kerjasama dengan pembekal perkhidmatan *Maybank E-Wallet* (MAE) dan *Touch 'n Go* untuk memberikan rebat dalam talian kepada setiap transaksi pembelian dengan penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).





**BAB 3  
PELAN  
PEMBANGUNAN  
PENJAJA DAN  
PENIAGA KECIL (P3PK)  
2023-2027**

## Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030)



Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) merupakan strategi jangka panjang dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang 2030. Ia juga selaras dengan perancangan bagi menaik taraf sosioekonomi negara. DKN2030 akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah serta terus membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif, seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

### PELAN PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (P3PK) 2023-2027

|                        |   |   |   |   |  |
|------------------------|---|---|---|---|--|
| <b>VISI</b>            | Memacu Kelestarian Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Melalui Persekitaran Kondusif dan Holistik         |   |   |   |  |
| <b>OBJEKTIF</b>        | Memantapkan Tadbir Urus Secara Dinamik  | Memperkasakan Perniagaan Ke Arah Digital  | Menyediakan Persekitaran Yang Kondusif dan Holistik   | Menambahbaik Aspek Modal Insan dan Pengukuhan Kewangan  |  |
| <b>KOMPONEN</b>        | Pembangunan Imej Penjaja dan Peniaga  | Peningkatan Produk dan Perkhidmatan   | Penambahbaikan Dasar dan Tadbir Urus  | Transformasi dan Adaptasi Teknologi Digital   | Peningkatan Kesedaran Pematuhan dan Pemantauan Perniagaan  |
| <b>TERAS STRATEGIK</b> | Memperteguh Ekosistem Penjaja dan Peniaga Kecil Bagi Menyokong Pembangunan Sosioekonomi Yang Inklusif       |   |   |   |  |
|                        | Memperkasa Keunggulan Perniagaan Menerusi Kapasiti dan Keupayaan  |   |   |   |  |
|                        | Memantap Pembangunan Modal Insan Penjaja dan Peniaga Kecil  |   |   |   |  |
|                        | Melestari Kewangan dan Memudahcara Akses Fasiliti Pembiayaan  |   |   |   |  |
|                        | Mengadaptasi Teknologi dan Pendigitalan   |   |   |   |  |
| <b>PEMBOLEH UBAH</b>   | <br>KEMENTERIAN / AGENSI | <br>INSTITUSI KEWANGAN | <br>INDUSTRI | <br>PERSATUAN DAN GABUNGAN | <br>PENJAJA DAN PENIAGA KECIL |

# TERAS STRATEGIK

T1



Ekosistem

## 4 STRATEGI 7 INISIATIF

**S1**

Memperkasa pembangunan penjaja dan peniaga kecil dengan lebih inklusif dan holistik

**S2**

Menyelaraskan dengan lebih strategik program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan

**S3**

Memperkasa kebajikan dan kesejahteraan penjaja dan peniaga kecil

**S4**

Menambahbaik sistem pengumpulan, pengurusan dan pengukuran data penjaja dan peniaga kecil secara berpusat

T2



Daya Saing

## 3 STRATEGI 6 INISIATIF

**S1**

Meningkatkan kapasiti dan daya saing penjaja dan peniaga kecil

**S2**

Mentransfomasi imej dan penjenamaan penjaja dan peniaga kecil yang lebih tersusun, berketerampilan dan bersistematik

**S3**

Merangsang pembangunan industri kreatif dan kemahiran

T3



Modal Insan

## 4 STRATEGI 5 INISIATIF

**S1**

Membudaya ilmu keusahawanan dan perniagaan penjaja dan peniaga kecil

**S2**

Meningkatkan pembangunan modal insan penjaja dan peniaga kecil yang berketerampilan

**S3**

Menguatkan bakat dan pembangunan modal insan penjaja dan peniaga kecil

**S4**

Memperkasa pembangunan modal insan penjaja dan peniaga kecil

T4



Kewangan

## 3 STRATEGI 6 INISIATIF

**S1**

Melestarikan bantuan untuk perniagaan bergerak

**S2**

Menggalakkan pemilikan premis bagi penjaja dan peniaga kecil

**S3**

Mewujudkan skim pembiayaan bagi penjaja dan peniaga kecil

T5



Pendigitalan

## 3 STRATEGI 5 INISIATIF

**S1**

Membudaya dan menggalakkan adaptasi teknologi dan pendigitalan dalam perniagaan

**S2**

Menguatkan kompetensi perniagaan penjaja dan peniaga secara digital

**S3**

Meningkatkan kebolehpasaran secara digital

Garis masa P3PK 2023-2027 dijangka mampu memacu kelestarian pembangunan kumpulan penjaja dan peniaga kecil melalui persekitaran kondusif dan holistik. Bagi memastikan hala tuju pelan ini memenuhi matlamat yang telah ditetapkan, indikator pencapaian ini akan diukur melalui tiga (3) fasa garis masa.

### PELAN PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (P3PK) 2023- 2027



T1



## TERAS STRATEGIK 1 Memperteguh Ekosistem Penjaja dan Peniaga Kecil Bagi Menyokong Pembangunan Sosioekonomi Yang Inklusif

| STRATEGI   | INISIATIF   | INDIKATOR  | SASARAN  | TAHUN SASARAN |      |      |      |      |
|--|---|--|--|---------------|------|------|------|------|
|  |   |  |  | 2023          | 2024 | 2025 | 2026 | 2027 |
| S1<br>Memperkasa pembangunan penjaja dan peniaga kecil dengan lebih inklusif dan holistik                            | I1<br>Menambahbaik garis panduan dan piawaian penjaja dan peniaga kecil   | Penambahbaikkan garis panduan dan piawaian   | 3 garis panduan dan piawaian dikemaskini   | ✓             |      | ✓    |      | ✓    |
|  | I2<br>Memperkukuh peranan Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil dalam pembangunan penjaja dan peniaga kecil  | Pengukuhan peranan Majlis yang efisien dan berkesan dalam membuat keputusan bagi penjaja dan peniaga kecil | Penglibatan pemain industri sebagai ahli di dalam Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| S2<br>Menyelaraskan dengan lebih strategik program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan | I3<br>Menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja di peringkat Kementerian bagi memantau serta mengukur prestasi pelaksanaan program dan aktiviti  | Penubuhan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja di peringkat Kementerian                               | 1 laporan pelaksanaan dan pemantauan program setiap tahun                                    | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|  | I4<br>Menggalakkan kerjasama dan jaringan strategik yang meliputi bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), kualiti, pematuhan, piawaian, pengurusan, teknologi dan pemasaran untuk program pembangunan yang lebih dinamik dan fokus | Peningkatan bilangan kerjasama dan jaringan strategik dengan Kementerian dan agensi                        | 1 kolaborasi strategik setiap tahun  | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| S3<br>Memperkasa kebajikan dan kesejahteraan penjaja dan peniaga kecil   | I5<br>Mempelbagaikan insentif Kad Prihatin Penjaja dan Peniaga untuk melindungi kebajikan dan kesejahteraan penjaja dan peniaga kecil   | Pelaksanaan program <i>outreach</i> Kad Prihatin Penjaja dan Peniaga                                       | 2 program <i>outreach</i> Kad Prihatin Penjaja dan Peniaga setiap tahun                      | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| S4<br>Menambahbaik sistem pengumpulan, pengurusan dan pengukuran data penjaja dan peniaga kecil secara berpusat      | I6<br>Membangunkan satu pangkalan data berpusat bagi penjaja dan peniaga kecil  | Pangkalan data penjaja dan peniaga kecil   | 1 sistem pangkalan data penjaja dan peniaga kecil  |               |      |      |      | ✓    |
|  | I7<br>Menggalakkan pendaftaran perniagaan penjaja dan peniaga kecil   | Peningkatan bilangan pendaftaran penjaja dan peniaga kecil   | 10,000 penjaja dan peniaga kecil berdaftar dalam tempoh 5 tahun                              | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |





TERAS STRATEGIK 2

Memperkasa Keunggulan Perniagaan Menerusi Kapasiti dan Keupayaan

| STRATEGI   | INISIATIF   | INDIKATOR  | SASARAN  | TAHUN SASARAN |      |      |      |      |
|--|---|--|--|---------------|------|------|------|------|
|  |   |  |  | 2023          | 2024 | 2025 | 2026 | 2027 |
| <b>S1</b><br>Meningkatkan kapasiti dan daya saing penjaja dan peniaga kecil  | <b>I1</b><br>Menyediakan program pemasaran dan promosi bagi penjaja dan peniaga kecil   | Peningkatan bilangan program <i>outreach</i>   | 2 program dalam tempoh setahun                                       | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|  | <b>I2</b><br>Menggalakkan kerjasama dengan syarikat atau pemilik-pemilik premis bagi meningkatkan kapasiti dan daya saing penjaja dan peniaga kecil | Peningkatan bilangan kerjasama dengan pemilik premis bagi akses pasaran kepada penjaja dan peniaga kecil | 5 kolaborasi dalam tempoh 5 tahun                                    | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| <b>S2</b><br>Mentransformasi imej dan penjenamaan penjaja dan peniaga kecil yang lebih tersusun, berketerampilan dan bersistematik | <b>I3</b><br>Mewujudkan program pembangunan dan kecemerlangan transformasi imej penjaja dan peniaga kecil   | Peningkatan imej penjaja dan peniaga kecil ke arah kecemerlangan operasi perniagaan                      | 5,000 penjaja dan peniaga kecil dalam setahun                        | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|  | <b>I4</b><br>Memperluaskan program perniagaan bergerak bagi penjaja dan peniaga kecil   | Peningkatan pendaftaran perniagaan bergerak  | 100 penjaja dan peniaga kecil setahun                                | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|  | <b>I5</b><br>Melaksanakan Program Kesejahteraan Bandar di lokasi tumpuan dan strategik  | Peningkatan bilangan penjaja dan peniaga kecil di lokasi tumpuan dan strategik                           | 100 penjaja dan peniaga kecil setahun                                | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| <b>S3</b><br>Merangsang pembangunan industri kreatif dan kemahiran   | <b>I6</b><br>Mewujudkan program usahawan industri kreatif, kemahiran dan idea perniagaan bagi penjaja dan peniaga kecil                             | Peningkatan bilangan penjaja dan peniaga kecil industri kreatif dan kemahiran                            | 100 penjaja dan peniaga kecil industri kreatif dan kemahiran setahun | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |



TERAS STRATEGIK 3 Memantap Pembangunan Modal Insan Penjaja dan Peniaga Kecil

| STRATEGI   | INISIATIF   | INDIKATOR   | SASARAN  | TAHUN SASARAN |      |      |      |      |
|--|---|---|--|---------------|------|------|------|------|
|  |   |   |  | 2023          | 2024 | 2025 | 2026 | 2027 |
| <b>S1</b><br>Membudaya ilmu keusahawanan dan perniagaan penjaja dan peniaga kecil                | <b>I1</b><br>Mensyaratkan penjaja dan peniaga kecil yang berniaga untuk tempoh kurang daripada setahun untuk menjalani latihan asas keusahawanan di bawah program Kementerian | Peningkatan bilangan penjaja dan peniaga kecil yang menjalani latihan asas keusahawanan   | 5,000 penjaja dan peniaga kecil yang baharu dalam tempoh 5 tahun   | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| <b>S2</b><br>Meningkatkan pembangunan modal insan penjaja dan peniaga kecil yang berketerampilan | <b>I2</b><br>Menjalankan <i>Training Need Analysis (TNA)</i> untuk mengenal pasti keperluan latihan dan pendidikan penjaja dan peniaga kecil                                  | Pembangunan modul latihan khusus yang berkualiti dengan keperluan penjaja dan peniaga kecil   | 5 modul baharu khusus bagi penjaja dan peniaga kecil   | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|  | <b>I3</b><br>Membangunkan modul latihan yang berkualiti berpadanan dengan keperluan penjaja dan peniaga kecil   |   |  |               |      |      |      |      |
| <b>S3</b><br>Memperkuhkan bakat dan pembangunan modal insan penjaja dan peniaga kecil            | <b>I4</b><br>Mewujudkan program dan seminar peningkatan ( <i>upskill</i> dan <i>reskill</i> ), pemerksaan ( <i>up scale</i> ) penjaja dan peniaga kecil                       | Peningkatan program dan seminar peningkatan ( <i>upskill</i> dan <i>reskill</i> ), pemerksaan ( <i>up scale</i> ) penjaja dan peniaga kecil | 5 program dan seminar peningkatan ( <i>upskill</i> dan <i>reskill</i> ), pemerksaan ( <i>up scale</i> ) penjaja dan peniaga kecil setiap setahun | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| <b>S4</b><br>Memperkasa pembangunan modal insan penjaja dan peniaga kecil                        | <b>I5</b><br>Mewujudkan program bimbingan kecemerlangan penjaja dan peniaga kecil   | Peningkatan program mentor mentori usahawan bersama pemain industri   | 5 program mentor mentori untuk tempoh 5 tahun  | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |




| STRATEGI  | INISIATIF  | INDIKATOR   | SASARAN   | TAHUN SASARAN |      |      |      |      |
|---|--|---|---|---------------|------|------|------|------|
|   |  |   |   | 2023          | 2024 | 2025 | 2026 | 2027 |
| <b>S1</b><br>Melestari bantuan untuk perniagaan bergerak                  | <b>I1</b><br>Melaksanakan program bantuan pembiayaan perniagaan bergerak   | Peningkatan bilangan penerima bantuan pembiayaan perniagaan bergerak bagi penjaja dan peniaga kecil | 200 penjaja dan peniaga kecil yang mengusahakan perniagaan bergerak bagi tempoh 5 tahun | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| <b>S2</b><br>Menganjurkan pemilikan premis bagi penjaja dan peniaga kecil | <b>I2</b><br>Menjalankan program kolaborasi penyewaan atau pemilikan bersama agensi dan institusi pembiayaan       | Peningkatan bilangan pemilikan premis perniagaan bagi penjaja dan peniaga kecil                     | 200 pemilikan premis oleh penjaja dan peniaga kecil bagi tempoh 5 tahun                 | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|   | <b>I3</b><br>Menyediakan skim pembiayaan pemilikan premis  |   |   | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|   | <b>I4</b><br>Memudah cara penyewaan dan pemilikan premis   |   |   | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| <b>S3</b><br>Mewujudkan skim pembiayaan bagi penjaja dan peniaga kecil    | <b>I5</b><br>Menyediakan pembiayaan alternatif kepada penjaja dan peniaga kecil                                    | Pembangunan jaringan kolaborasi pembiayaan bagi penjaja dan peniaga kecil                           | 3 program kolaborasi pembiayaan <i>crowdfunding</i> bagi tempoh 5 tahun                 | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|   | <b>I6</b><br>Melaksanakan program kolaborasi bersama pemain-pemain industri bagi menyediakan pembiayaan alternatif |   |   | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |



TERAS STRATEGIK 5 Mengadaptasi Teknologi dan Pendigitalan

| STRATEGI   | INISIATIF   | INDIKATOR   | SASARAN   | TAHUN SASARAN |      |      |      |      |
|--|---|---|---|---------------|------|------|------|------|
|  |   |   |   | 2023          | 2024 | 2025 | 2026 | 2027 |
| <b>S1</b><br>Membudaya dan menggalakkan adaptasi teknologi dan pendigitalan dalam perniagaan | <b>I1</b><br>Melaksanakan program pembudayaan dan penggalakan pendigitalan secara berterusan  | Peningkatan pembudayaan pendigitalan dalam kalangan penjaja dan peniaga kecil | 20,000 penjaja dan peniaga dilatih dalam tempoh 5 tahun | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| <b>S2</b><br>Mengukuhkan kompetensi perniagaan penjaja dan peniaga kecil secara digital      | <b>I2</b><br>Melaksanakan program latihan secara <i>hands-on</i> dalam pendigitalan   | Peningkatan kompetensi pendigitalan dalam kalangan penjaja dan peniaga kecil  | 10,000 penjaja dan peniaga dilatih dalam tempoh 5 tahun | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|  | <b>I3</b><br>Mewujudkan program kerjasama strategik bersama Kementerian dan Agensi, pemain industri, syarikat penyedia platform digital dan syarikat korporat yang berkaitan pendigitalan | Peningkatan bilangan kerjasama strategik                                      | 1 program kerjasama strategik setiap tahun              | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
| <b>S3</b><br>Meningkatkan kebolehpasaran secara digital                                      | <b>I4</b><br>Melaksanakan Program Penjaja dan Peniaga Kecil <i>Go Digital</i> (e-dagang) di bawah Kementerian   | Peningkatan bilangan <i>onboarding</i>  | 15,000 penjaja dan peniaga kecil bagi tempoh 5 tahun    | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |
|  | <b>I5</b><br>Menggalakkan penggunaan teknologi aplikasi pendigitalan yang ditawarkan oleh Kad Prihatin Penjaja dan Peniaga di bawah Kementerian   |   |   | ✓             | ✓    | ✓    | ✓    | ✓    |





**BAB 4**  
**IMPAK**  
**PELAKSANAAN**  
**KEPADA PENJAJA**  
**DAN PENIAGA KECIL**

Pelan P3PK 2023 - 2027 akan memberi manfaat secara kolektif kepada setiap pihak berkepentingan serta menjadi inspirasi kepada transformasi dan perubahan landskap pengoperasian penjaja dan peniaga kecil. Antara impak yang dikenal pasti daripada penghasilan P3PK 2023 – 2027 adalah seperti berikut:

## IMPAK DALAMAN

### Psikologi Kendiri

Mampu meningkatkan keyakinan individu melalui tingkah laku dan pemikiran yang positif serta keinginan untuk maju dalam perniagaan. Selain itu, penjaja dan peniaga kecil dapat mengikuti program-program latihan yang lebih berkualiti, *hands-on* dan memenuhi kepada keperluan terkini termasuk dalam aspek teknologi dan pendigitalan sekali gus membantu peningkatan dan pemerkasaan perniagaan agar lebih dinamik, menarik serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

## IMPAK LUARAN

### Ekosistem Perniagaan

Mampu menggalakkan pertumbuhan, penyertaan dan pendaftaran penjaja dan peniaga kecil melalui dasar yang lebih teratur, program yang tersusun dan penilaian yang efektif dan turut disokong dengan manfaat kolaborasi bersama agensi-agensi dan pemain industri. Perkara ini akan menyokong pembangunan sosioekonomi penjaja dan peniaga kecil sekali gus turut menyumbang terhadap pertumbuhan sektor PMKS secara keseluruhan. Justeru, penubuhan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja di peringkat Kementerian akan melaksanakan tindakan pemantauan dan penilaian yang berterusan dalam memastikan program-program yang dilaksanakan terus memberi impak yang positif.

### Sokongan Perniagaan

Mampu melahirkan kumpulan penjaja dan peniaga kecil yang lebih mampan dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran akan datang melalui kemudahan yang disediakan dan pelaksanaan program-program pembangunan yang khusus seperti pembangunan pangkalan data bagi penjaja dan peniaga kecil, jaringan kerjasama strategik di peringkat tempatan dan antarabangsa, pembangunan industri kreatif dan sokongan pembiayaan untuk usahawan bergerak.



### Modal Insan

Mampu meningkatkan keupayaan, kemampuan serta pembangunan modal insan penjaja dan peniaga kecil menerusi program-program pemerkasaan khusus, penyelidikan dan penghasilan modul-modul latihan yang berkualiti dan berkesan.

### Bantuan Kewangan

Mampu menyediakan sokongan melalui model kerjasama inovatif untuk pembiayaan dan penyewaan premis bagi membantu peningkatan sosioekonomi penjaja dan peniaga kecil. Selain itu, pelaksanaan pembiayaan alternatif seperti '*crowdfunding*' mampu memberi kemudahan yang lebih baik kepada penjaja dan peniaga kecil terutamanya dari segi akses kepada pembiayaan demi mengurangkan kebergantungan terhadap institusi kewangan.

### Inisiatif Teknologi dan Pendigitalan

Mampu memperoleh capaian pasaran yang lebih baik dengan mengadaptasi teknologi dan budaya pendigitalan menerusi kolaborasi bersama agensi-agensi dan pemain industri di bawah Program *Go-Digital* dan Kad Prihatin Penjaja dan Peniaga yang menyasarkan 15,000 usahawan sehingga tahun 2027. Selain itu, insentif di dalam teknologi dan pendigitalan dilihat mampu memberi anjakan kepada pembudayaan dan pengkomersilan perniagaan kepada norma baharu selari dengan aspirasi di dalam Pelan Strategi E-Dagang Kebangsaan 2.0 (NESR 2.0).

**“ Penetapan sasaran dan indikator yang jelas adalah penting bagi mencapai matlamat untuk pembangunan kumpulan penjaja dan peniaga kecil. Pemantauan secara berterusan perlu dilaksanakan untuk memastikan kejayaan P3PK 2023-2027**

**”**





# **BAB 5**

# **PENUTUP**



## EKOSISTEM PERNIAGAAN YANG DINAMIK

---

Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (P3PK) 2023-2027 merupakan hala tuju baharu dan menyeluruh bagi melonjakkan semula pembangunan perniagaan penjaja dan peniaga kecil. Berteraskan kepada dasar-dasar negara serta perkembangan pesat teknologi digital, pelaksanaan pembangunan penjaja dan peniaga kecil dilihat amat perlu bagi meneruskan agenda pembangunan sosioekonomi kumpulan ini.

Penjaja dan peniaga kecil perlu bersedia untuk berubah daripada segi minda, sistem serta model perniagaan dan budaya keusahawanan masing-masing. Oleh yang demikian, kejayaan P3PK 2023-2027 amat bergantung kepada ketersediaan penjaja dan peniaga kecil untuk melaksanakan perubahan dan pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah lima (5) teras strategik yang telah digariskan dalam pelan ini.

Pendekatan holistik terhadap pembangunan dasar, ekosistem, modal insan, fasiliti pembiayaan dan adaptasi pendigitalan akan bertindak sebagai pemangkin dalam usaha mentransformasi minda dan sistem perniagaan penjaja dan peniaga kecil sedia ada. Melalui kerjasama bersepadu dan pemantauan berterusan oleh semua pihak, hasil pencapaian teras strategik tersebut dapat dilihat dalam jangka masa yang pantas, sederhana dan panjang.

Pengenalan P3PK 2023-2027 diharapkan dapat membantu penjaja dan peniaga kecil untuk mencapai kelestarian dan kesejahteraan hidup di samping mengiktiraf sumbangan mereka terhadap pertumbuhan ekonomi sektor PMKS dan pembangunan ekonomi negara pada masa hadapan.



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)**

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62668 Putrajaya, Malaysia.

**Tel :** +603-8000 8000 | **Faks :** +603-8889 3712